

PENGARUH SOLAT FARDHU DI DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK PELAJAR: KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LAWAS, SARAWAK

Mohd Zaini bin Abdul Samad
dhom_iniaz89@yahoo.com

Mohd Isa Hamzah
isa_hamzah@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Solat merupakan ibadah yang paling utama di dalam agama Islam. Dengan melaksanakan perintah solat, dapat membentuk sifat dan akhlak yang baik kepada umatnya. Justeru, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh solat fardhu di dalam pembentukan akhlak pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Lawas. Kajian ini melibatkan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Lawas di Sarawak iaitu terdiri daripada pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima. Instrumen soal selidik terbahagi kepada dua lampiran untuk mengumpulkan data kajian. Pada lampiran I mengandungi maklumat demografi sampel responden. Manakala pada lampiran II pula memfokuskan kepada empat pecahan bahagian yang berkaitan dengan kajian iaitu amalan dan pelaksanaan solat pelajar yang mempunyai 40 item. Secara kesimpulannya, kajian ini akan dapat menunjukkan tahap pelaksanaan solat fardhu di kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Lawas dan hubungannya dengan pembentukan akhlak di kalangan pelajar. Implikasi daripada kajian ini adalah para guru serta ibu bapa akan sama-sama berganding bahu dan bersatu tenaga di dalam memberi penekanan berkaitan kewajipan pelaksanaan solat di kalangan anak-anak pelajar sekolah menengah di Daerah Lawas, Sarawak. Di samping itu adalah boleh dilaksanakan beberapa cadangan penambahbaikan yang lain contohnya seperti Kem Solat, bengkel tarbiyyah kepada para pelajar dan lain-lain lagi serta penambahbaikan kaedah pengumpulan data pada masa akan datang.

Kata Kunci: *Solat fardhu, Pembentukan Akhlak.*

Pengenalan

Islam mewajibkan umatnya untuk berakhlak dengan akhlak yang mulia. Budi pekerti dan akhlak yang tinggi adalah cerminan kepada keperibadian seseorang. Mereka yang mempunyai akhlak yang mulia, bukan sahaja dapat memberi faedah kepada dirinya, bahkan kepada masyarakat sekelilingnya (Lukman Hakimi Ahmad, 2014). Akhlak yang mulia dan terpuji ini dapat diperolehi menerusi penjagaan, penghayatan dan pengamalan solat di dalam kehidupan setiap hari. Seseorang yang menjaga solatnya, dapat dikenalpasti sebagai seorang yang mempunyai akhlak yang mulia. Namun begitu, sekiranya pengamalan solat seseorang tersebut tidak diendahkan dan dipandang

remeh, ianya boleh membawa kepada penyumbang ke arah keruntuhan akhlak yang berlaku pada masa kini.

Kepentingan menjaga akhlak terhadap setiap individu umat Islam juga dapat dilihat menerusi Rasulullah yang diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya: “*Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.*”

(Hadis Riwayat Bukhari)

Penekanan berkaitan solat sebagai perkara utama dan wajib dalam kehidupan seorang Muslim hendaklah ditekankan dari peringkat kanak-kanak sehinggalah dewasa. (Shukri Ahmad, Yahya Don, Wan Abdul Rahman, Madiha Mohammed, Shahril Fazli, 2014). Kedudukan dan darjat solat yang amat tinggi di sisi agama Islam, menunjukkan bahawa ibadah ini perlu diberikan perhatian yang serius dalam pengamalan dan dari segi penjagaan untuk penyempurnaannya. Solat yang diperintahkan oleh Allah juga turut menjadi akar umbi kepada amalan soleh yang lain umpamanya zakat, sedekah, menjaga aurat dan sebagainya lagi. Solat turut menjadi salah satu daripada amalan yang pertama sekali akan dihisab dan dipersoalkan oleh Allah di akhirat kelak (Zaharuddin Abd Rahman, 2012).

Justeru itu, setiap orang Islam seharusnya sedar bahawasanya solat fardhu merupakan satu perkara yang penting dan asas kekuatan dalam diri seseorang Muslim yang bertitik tolak daripada asuhan serta didikan ibu bapa semenjak kecil lagi bagi membentuk peribadi dan akhlak yang mulia dalam diri individu. Umat Islam juga harus peka kepada kewajipan mendirikan solat fardhu dengan memberi asuhan dan didikan kepada ahli keluarga, anggota masyarakat di sekeliling mengenai betapa pentingnya ibadah ini. Para pendidik yang terdiri daripada guru-guru, para pensyarah dan sebagainya lagi turut mengambil peranan yang utama dalam menyebarkan kefahaman amalan solat kepada para murid dan pelajar di institusi pendidikan untuk sama-sama memelihara dan mengutamakan solat pada setiap hari.

Metodologi Kajian

Mohd Majid (2004) menyatakan bahawa kaedah soal selidik bertujuan untuk mengumpul data mengenai pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan sesuatu fenomena tanpa menyoal mengapa pembolehubah-pembolehubah tersebut wujud. Justeru, untuk melancarkan kajian yang dijalankan ini, penulis telah memilih cara penyelidikan yang bersesuaian iaitu menerusi kaedah kualitatif.

Penulis akan menemubual untuk mendapatkan data menerusi pertemuan dengan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Lawas. Selain itu, penulis juga akan mengumpul data dengan cara kajian di dalam buku, jurnal, risalah, majalah, tesis dan sebagainya lagi.

Reka Bentuk Kajian

Penyelidikan ini akan menggunakan kaedah perpustakaan (*Library Research*) serta temu bual. Penyelidikan perpustakaan ini adalah dengan bersumberkan kepada data-data yang akan dikumpul daripada bahan-bahan seperti buku, disertasi sarjana, disertasi doktor falsafah, dokumen, jurnal dan sebagainya lagi. Untuk lebih menyempurnakan kajian ini juga, penulis akan juga turut

menggunakan kaedah pengumpulan data dalam bentuk temu bual dengan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan Lawas.

Persampelan Kajian

Kajian yang dijalankan ini akan menumpukan kepada sampel yang terdiri daripada pelajar tingkatan 4 dan 5 di Sekolah Menengah Kebangsaan Lawas, Sarawak berjumlah 100 orang responden. Para pelajar ini terdiri daripada pelbagai latar belakang keluarga, lokasi tempat tinggal yang berbeza di dalam daerah Lawas.

Instrumen Kajian

Instrumen di dalam kajian ini akan dibahagikan kepada dua lampiran. Pada lampiran I soal selidik mengandungi maklumat sampel responden dari segi jantina, umur, latar belakang keluarga dan juga lokasi tempat tinggal yang berbeza di dalam daerah Lawas. Manakala pada lampiran II pula memfokuskan kepada empat pecahan bahagian yang berkait dengan kajian iaitu amalan dan pelaksanaan solat pelajar yang mempunyai 40 item.

Tujuan Kajian

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk melihat sejauh mana pengaruh solat fardhu di dalam pembentukan akhlak para pelajar sekolah menengah di Daerah Lawas. Di samping itu, adalah untuk menilai keberkesanan tahap pengamalan solat fardhu terhadap empat elemen yang diuji menerusi soal selidik yang diberikan iaitu dari sudut amalan solat fardhu harian, faktor-faktor di dalam melaksanakan solat, kepentingan mendirikan solat dan juga kesan solat terhadap akhlak diri pelajar.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti tahap penghayatan pelajar terhadap solat fardhu dalam kehidupan seharian serta hubungannya dengan sikap dan sahsiah pelajar.
2. Mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada pembentukan sahsiah melalui amalan solat fardhu di kalangan pelajar sekolah menengah.
3. Mengenal pasti hubungan antara sikap pelajar terhadap solat fardhu dengan sahsiah serta kesannya kepada pembentukan sahsiah.

Persoalan Kajian

1. Apakah tahap penghayatan pelajar terhadap solat fardhu dalam kehidupan seharian serta hubungannya dengan sikap dan sahsiah pelajar?
2. Apakah terdapat kaitan antara faktor persekitaran seperti latar belakang keluarga, pergaulan rakan sebaya, pengaruh media massa dan pengaruh dari sikap pelajar yang menyumbang kepada pembentukan sahsiah melalui amalan solat fardhu di kalangan pelajar sekolah menengah.
3. Apakah hubungan antara sikap pelajar terhadap solat fardhu dengan sahsiah serta kesannya kepada pembentukan sahsiah.

Perbincangan

Solat merupakan ibadat yang amat penting bagi umat Islam. Justeru itu, ilmu berkaitan solat seharusnya didedahkan kepada anak-anak semenjak usia yang kecil lagi. Hal ini dapat dibuktikan menerusi contoh oleh Luqman al-Hakim yang memberi nasihat kepada anaknya agar mentaati Allah dengan cara melaksanakan perintah solat bagi tujuan untuk mendekatkan diri dengan Allah S.W.T. Bahkan, ilmu mempelajari solat tidak akan terhenti setakat usia yang kecil sahaja malahan ia akan berterusan sehingga ke akhir hayat bagi melengkapkannya dengan lebih sempurna. Menerusi penghayatan solat di dalam kehidupan seharian ini, akan dapat melahirkan Muslim yang beriman, beramal soleh, beradab sopan bahkan berakhlak mulia. Menurut Norhayati et.al (2016), penekanan yang dititikberatkan terhadap amalan solat juga akan dapat mewujudkan generasi yang lebih produktif untuk melakukan sesuatu perkara atau pekerjaan disebabkan oleh penghargaan kepada masa dan penggunaan waktu yang berkualiti.

Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah berkenaan dengan hubungkait di antara pengaruh solat fardhu seharian dengan pembentukan akhlak di kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Lawas, Sarawak. Matlamat yang ingin dicapai oleh pengkaji ialah supaya kajian yang dilaksanakan ini dapat memberi *input* dan maklumat baru kepada pihak-pihak yang berkaitan.

Pihak Yang Mendapat Manfaat

i. Pihak Ibu Bapa

Kepentingan kajian ini terhadap ibu bapa adalah supaya mereka akan dapat menyedari kepentingan pendidikan agama dan penerapan solat terhadap diri anak-anak mereka. Berdasarkan daripada kajian yang dilaksanakan ini, akan membantu untuk memotivasikan ibu bapa agar memberi penekanan solat setiap hari di dalam keluarga di samping tidak bersikap sambil lewa untuk mendidik anak-anak dengan tanggungjawab solat fardhu setiap hari.

ii. Guru-Guru

Bagi pihak guru pula, kajian ini diharapkan dapat membantu para pendidik dalam meningkatkan motivasi untuk terus bersemangat menanamkan ilmu kepada para murid terutamanya di dalam menerapkan kepentingan solat dalam diri generasi anak-anak muda agar lebih terdidik dengan akhlak dan sahsiah yang tinggi di samping menjauhi golongan ini daripada salah laku yang negatif dan tidak baik di sekolah secara khususnya dan di luar kawasan sekolah secara amnya.

iii. Pelajar-Pelajar

Di samping itu, kajian ini turut memainkan fungsi penting kepada para pelajar. Bagi para pelajar sekolah menengah di Daerah Lawas ini secara khususnya, mereka dapat mengetahui apakah punca-punca kerosakan akhlak yang akan berlaku di kalangan mereka yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Pada masa yang sama akan menunjukkan kepada mereka betapa rendahnya nilai seseorang yang tidak berakhlak terhadap diri manusia. Tambahan lagi, kajian ini juga dapat

memberi peringatan kepada para pelajar agar memanfaatkan usia muda dan peluang yang ada untuk melakukan perkara yang berfaedah demi kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan juga negara.

iv. Pejabat Pendidikan Daerah Lawas Sarawak

Pihak Pejabat Pendidikan Daerah Lawas juga akan mendapat manfaat daripada hasil kajian yang dilaksanakan ini. Mereka akan dapat sama-sama memupuk pembinaan akhlak di kalangan pelajar menengah di Daerah Lawas ke arah yang lebih baik. Dalam masa yang sama dapat mengurangkan masalah gejala sosial yang kurang sihat dan isu lain seperti mengawal kecurian, vandalisme, melepak, ponteng sekolah, menagih dadah dan sebagainya lagi.

v. Orang Awam.

Kepentingan kajian ini dilakukan turut memberi manfaat kepada orang awam iaitu dari segi melihat sejauh mana keberkesanan pengamalan solat fardhu di dalam memupuk akhlak yang baik dalam diri pelajar menengah daerah Lawas ini. Sorotan daripada itu, orang awam yang terdiri daripada orang dewasa mahu pun pihak ibu bapa dari kawasan lain dapat membuka mata mengenai besarnya tanggungjawab yang perlu diambil berat dalam menerapkan ilmu agama kepada anak-anak mereka.

Batasan Kajian

Kajian yang dibuat ini turut mempunyai beberapa batasan dan halangan untuk dilaksanakan. Antaranya adalah seperti kekangan masa untuk mengumpul dan memproses maklumat dengan cepat, batasan dari segi ketepatan pengamalan dan penghayatan solat fardhu di kalangan pelajar dan juga perubahan akhlak yang berlaku kepada para pelajar. Hal ini adalah kerana, kajian ini dijalankan menerusi soal selidik yang diedarkan kepada para responden di mana pengkaji tidak dapat memantau secara terus dari rumah tahap pengamalan solat fardhu para pelajar di daerah Lawas ini.

KESIMPULAN

Pembentukan akhlak pelajar bukan sahaja penting bagi memastikan tahap disiplin pelajar meningkat, bahkan ke arah memenuhi tuntutan Falsafah Pendidikan Islam yang merupakan suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al Quran dan As Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Kesimpulannya, aspek akhlak sangat ditekankan dalam Islam, malah ia merupakan sebahagian daripada agama Islam itu sendiri. Untuk memelihara kehidupan yang harmoni, maka penekanan kepada sudut keagamaan dan kerohanian amatlah penting terutama dalam penekanan iman yang berlandaskan tauhid kepada Allah s.w.t. Ini kerana kuat atau lemahnya iman seseorang dapat diukur dan diketahui daripada perilaku akhlaknya. Iman yang kuat akan mewujudkan akhlak yang baik dan mulia, sedangkan iman yang lemah melahirkan akhlak yang buruk dan keji (Mohd. Kamal Hassan, 1987). Maka jelas di sini, peranan agama dan aspek rohani perlu ditekankan dalam

apa jua bentuk pendidikan akhlak dan moral. Pendidikan akhlak berteraskan nilai agama adalah lebih sempurna dan menjamin melahirkan insan yang berkualiti sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi.

Kefahaman tentang ajaran Islam berkaitan akhlak merupakan satu perkara yang paling penting dalam kehidupan kerana kefahaman dapat menanamkan keimanan dalam hati seseorang dan secara tidak langsung akan diterjemahkan dalam perbuatan seharian. Mereka yang jahil yakni tidak faham dalam ajaran Islam akan binasalah iman dan amalan mereka dan banyaklah musibah dan dosa yang akan dilakukan kerana rapuhnya pegangan dalam kehidupan.

Rujukan

- Abdul Malik Karim Amrullah. 2007. *Peribadi*. Cetakan Pertama. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Abdul Malik Karim Amrullah. 2007. *Lembaga Hidup*. Cetakan Pertama. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Ahmad Baie Jaafar. 2014. *Solat yang Sempurna*. Batu Caves. Marzuq e Media.
- Buerah Tunggak. Shanah Ngadi. Hamimah Abu Naim. 2015. *Delinkuen Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/ Pelajar Muslim Bersepadu*. Jurnal Hadhari 7(2)(2015)11-30. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Penerbit UKM Press.
- Habib Mat Som. Syed Kamaruzzaman. 2016. Penerapan Nilai Moral dan Akhlak bagi Menjana Kelestarian Alam Sekitar dalm Pengajaran dan Pembelajaran: Satu Perbincangan. *Jurnal Isu dalm Pendidikan*. Isu: 40. Halaman: 66.
- Lukman Hakimi Ahmad. 2014. *Persepsi Pelajar terhadap Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik dalam Pembentukan Sahsiah Muslim*. Jurnal Pendidikan Malaysia 39(2)(2014): 133-140.
- Mohd. Jirran Mohd Jeperi. (2015). *Pemahaman Dan Amalan Ibadah Solat Fardhu Serta Hubungannya Dengan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Di Daerah Kuala Terengganu*. (Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Utara Malaysia)
- Mohd Khusyairie Marzuki. 2019. Mohd Muhiden Abdul Rahman. Affendi Ismail. *Pembentukan Sahsiah Pelajar dan Hubungannya Dengan Pelaksanaan Amalan Solat: Kajian Di institusi Pengajian Tinggi (IPT) Kelantan*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. Unisza.
- Mohd Khusyairie Marzuki. Mohd Muhiden Abdul Rahman. Affendi Ismail. 2018. *Sikap Pelajar terhadap Pengamalan Solat Fardhu dan Kesannya kepada Pembentukan Sahsiah: Kajian di UiTM Kelantan Kampus Kota Bharu*. Jurnal Al-Basirah. Universiti Malaya.
- Mohd Suhardi Mat Jusoh. 2004. *Pengabaian Solat Fardhu Di Kalangan Remaja Di Daerah Pasir Putih, Kelantan*. Master Thesis. University of Malaya.
- Muhamad Ridzuan Bin Zakaria. 2017. *Pembentukan Sahsiah Anak Soleh Berdasarkan Surah Luqman di Sekolah Rendah Islam Hidayah*. Fakulti Tamadun Islam. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norhayati Ab. Ghani@Rani, Khadijah Abdul Razak & Mohd Aderi Che Noh. 2016. *Solat dan Hubungannya dengan Pendidikan*. Technical and Social Science Journal. 5 (1): 16-24
- Sharifah Nur Binti Abu. 2012. *Pengamalan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak*. Jabatan Pengajian Am. Politeknik Kuching Sarawak.
- Shukri Ahmad, Yahya Don, Wan Abdul Rahman Khudri Wan Abdullah, Madiha Mohammed Ibrahim & Shahril Fazli Mat Hussain. 2014. *Penghayatan Solat dan Pengimarahannya Masjid: Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia*. Proceeding of the Social

Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ^{ke-5} (PASAK5 2020) – Dalam Talian
24 & 25 November 2020. e-ISBN: 978 967 2122 906

Sciences Research ICSSR 2014 (e-ISBN 978-967-11768-7-0. 9-10 June 2014, Kota
Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Zaharuddin Abd Rahman, *Formula Solat Sempurna*. Kuala Lumpur : Telaga Biru, 2012.